



KOLEJ ISLAM ANTARABANGSA SULTAN ISMAIL PETRA (KIAS)

IKLAN KEKOSONGAN JAWATAN

Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS) mempelawa permohonan dari warganegara Malaysia yang berkelayakan dan berpengalaman bagi mengisi kekosongan jawatan di KIAS. Maklumat jawatan dan syarat kelayakan adalah seperti berikut :

JAWATAN 1: PENOLONG PENDAFTAR KANAN PEMASARAN NK44

- i) Kumpulan Perkhidmatan : Pengurusan dan Profesional
- ii) Taraf Jawatan : Kontrak
- iii) Gaji : RM2246.64 – RM7747.00
- iv) Syarat Kelayakan:
 - Mempunyai sekurang-kurangnya Ijazah Sarjana Muda dalam bidang pemasaran daripada universiti-universiti tempatan dan luar negara atau kelayakan dalam bidang berkaitan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan
 - Pengalaman sekurang - kurangnya 10 tahun dalam bidang pemasaran khususnya di Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS); DAN
 - Lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
- v) Skop Kerja
 - Mengetuai Unit Promosi & Perhubungan Awam.
 - Merancang dan menyelaras aktiviti-aktiviti promosi unit.
 - Merancang strategi pemasaran KIAS.
 - Menjalankan analisis data terperinci dan penilaian terhadap kaedah pemasaran yang dijalankan.

JAWATAN 2: PENOLONG PENDAFTAR PEMASARAN NK41

- i) Kumpulan Perkhidmatan : Pengurusan dan Profesional
- ii) Taraf Jawatan : Kontrak
- iii) Gaji : RM1720.40– RM6895.00
- iv) Syarat Kelayakan:
 - Mempunyai sekurang-kurangnya Ijazah Sarjana Muda dalam bidang pemasaran daripada universiti-universiti tempatan dan luar negara atau kelayakan dalam bidang berkaitan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan
 - Pengalaman sekurang-kurangnya 5 tahun dalam bidang pemasaran khususnya di Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS); DAN
 - Lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
- v) Skop Kerja
 - Merancang kaedah dan strategi pemasaran yang efektif agar mencapai matlamat dan sasaran yang ditetapkan.
 - Merancang gerak kerja promosi dan menguruskan aktiviti pemasaran.
 - Bertanggungjawab menyelaras aktiviti promosi seperti *roadshow*/ karnival/ pameran/ taklimat berkaitan dengan Kolej dan program-program pengajian yang ditawarkan.

JAWATAN 3: PEGAWAI EKSEKUTIF PEMASARAN NK27

- i) Kumpulan Perkhidmatan : Pengurusan Sokongan
- ii) Taraf Jawatan : Kontrak
- iii) Gaji : RM1168.75– RM3924.00
- iv) Syarat Kelayakan:
 - Memiliki Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) atau Diploma Pengajian Perniagaan (pengkhususan dalam Pemasaran) daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;
 - Pengalaman sekurang - kurangnya 5 tahun dalam bidang pemasaran khususnya di Institusi Pengajian Tinggi Swasta; DAN
 - Lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
- v) Skop Kerja
 - Memberi penerangan dan taklimat ringkas di institusi-institusi yang terpilih/ karnival/ pameran berkaitan dengan KIAS dan program-program pengajian yang ditawarkan.
 - Berurusan dengan pelanggan KIAS
 - Boleh bekerja tanpa pengawasan & boleh menerima arahan.

JAWATAN 4: JURUTEKNIK ELEKTRIK DAN PENGHAWA DINGIN NK27

- i) Kumpulan Perkhidmatan : Pengurusan Sokongan
- ii) Taraf Jawatan : Kontrak
- iii) Gaji : RM1168.75 – RM3924.00
- iv) Syarat Kelayakan:
 - Mempunyai Sijil Kejuruteraan Mekanikal (Penyaman udara dan Penyejukbekuan) / Sijil Perakuan Kekompetenan Pendawai Fasa Tiga dengan Endorsan Pengujian (PW4)
 - Pengalaman sekurang-kurangnya 5 tahun dalam *Facilities Maintenance* (Pendawaian Elektrik dan Penyaman Udara)
 - Lelaki; DAN
 - Lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
- v) Skop Kerja
 - Berupaya menyelenggara sistem penghawa dingin/elektrik di KIAS.
 - Melaporkan sebarang kerosakan dan memperbaiki kerosakan.
 - Boleh bekerja tanpa pengawasan & boleh menerima arahan.

Borang permohonan jawatan kosong boleh dididapati di kaunter Pejabat Pengurusan KIAS atau boleh dimuat turun di laman web KIAS (www.kias.edu.my). Permohonan yang lengkap hendaklah dihantar kepada:

PENDAFTAR

Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS)
KM 12, Jalan Kuala Krai
Peti Surat 68, Nilam Puri
15730 Kota Bharu
KELANTAN

Tarikh tutup permohonan ialah pada **7 Jun 2018**.